

Saham MAS Aktif Didagangkan Pada Sesi Pagi Berikutan Berita Pesawat MH370 Hilang Bernama
9 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Berita pesawat MH370 Malaysia Airlines' dari Kuala Lumpur ke Beijing hilang dari skrin radar semasa terbang di Laut China Selatan, mengheret turut harga saham itu dan didagangkan rendah pada akhir sesi pagi Isnin.

Saham MAS yang paling aktif didagangkan, susut dua sen kepada 23 sen, dengan 239.64 juta saham didagangkan setakat 11.43 pagi.

HwangDBS Vickers Research berkata tahap implikasi ke atas pendapatan dan harga sasaran saham MAS akan bergantung kepada hasil siasatan penerbangan MH370, yang sedang berjalan.

"Saham susut 19 peratus sejak pengumuman kerugian bersih sebanyak RM342 juta bagi suku keempat tahun kewangan 2013 pada 18 Feb.

"Kumpulan itu berhadapan saingan sengit dalam industri itu," kata firma penyelidikan dalam nota kajiannya.

HwangDBS mengesahkan saranan 'bernilai penuh' ke atas saham MAS pada harga sasaran 27 sen.

Sementara itu, HLIB Research berkata berdasarkan perkembangan terkini pesawat MH370, ia menjangkakan MAS hanya menanggungkan perbelanjaan minimum, dengan sebarang pampasan kepada 239 mangsa akan ditanggung insurans, sama seperti kes-kes nahas syarikat penerbangan lain.

Namun firma penyelidikan itu berkata sentimen pengguna jangka pendek ke atas keselamatan MAS dijangka terjejas oleh kehilangan ini, menjejaskan faktor muatan dalam jangka pendek.

Ia berkata MAS juga terpaksa mengorbankan hasilnya, menawarkan tambang diskaun yang lebih besar bagi mengekalkan strategi muatan aktif.

"Oleh itu kami menjangkakan MAS akan menghadapi cabaran yang lebih sukar dalam program pemulihan kerugiannya.

"Mengenai prestasi harga, kami menjangkakan tekanan jualan di kaunter MAS dalam tempoh segera, seperti yang kita lihat daripada contoh sebelum ini ke atas nahas yang berlaku kepada syarikat penerbangan lain, menyebabkan harga saham susut sembilan hingga 30 peratus," katanya.

Firma penyelidikan itu mengekalkan saranan 'jual' ke atas MAS pada harga 20 sen berbanding 25 sen sebelumnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020645>